



# Liberty Insurance

Liabiliti Awam  
Terma & Syarat

---

## Polisi Insurans Liabiliti Awam

### FASAL KUAT KUASA

- 1.1. Bahawasanya Pihak Diinsuranskan yang dinamakan dalam Jadual bersama-sama ini dan menjalankan perniagaan yang diperihalkan dalam Jadual dan tiada perniagaan lain bagi tujuan insurans ini, melalui cadangan dan perakuan yang akan menjadi asas kontrak ini dan disifatkan akan digabungkan dalam dokumen ini, telah memohon kepada **LIBERTY INSURANCE BERHAD (16688-K)** bagi insurans yang terkandung kemudian daripada ini dan telah membayar atau bersetuju untuk membayar premium yang dinyatakan dalam Jadual bersama-sama ini sebagai balasan untuk insurans sedemikian.
- 1.2. Sekarang polisi ini menyaksikan bahawa tertakluk pada terma, kekecualian, had dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini atau diendors di sini, Syarikat akan menanggung rugi Pihak Diinsuranskan terhadap:-
  - (A) Semua jumlah yang menjadi tanggungjawab Pihak Diinsuranskan dari segi undang-undang untuk membayar sebagai ganti rugi atau pampasan berkaitan:
    - 1) kecederaan tubuh atau penyakit terhadap mana-mana orang
    - 2) kerugian atau kerosakan terhadap harta,

yang berlaku di dalam Had Wilayah yang ditetapkan dalam Jadual sepanjang Tempoh Insurans akibat kemalangan dan terjadi atau disebabkan apa-apa yang berkaitan dengan perniagaan.

Perniagaan bermaksud:

- (i) pemilikan, penyenggaraan atau penggunaan premis yang ditetapkan dalam Jadual;
- (ii) operasi-operasi Pihak Diinsuranskan yang ditetapkan dalam Jadual termasuk aktiviti-aktiviti berkaitan;
- (iii) peruntukan dan pengurusan kantin, organisasi sosial, sukan dan kebajikan untuk faedah kakitangan;
- (iv) perkhidmatan bantuan kecemasan, kebakaran dan ambulans yang berkaitan dengan premis dan operasi yang dinyatakan di atas; dan
- (v) kerja persendirian yang dijalankan oleh mana-mana pekerja Pihak Diinsuranskan untuk mana-mana individu atau organisasi yang layak sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Diinsuranskan dalam Jadual.

Berhubung dengan para pengarah atau pekerja bukan kerja kasar Pihak Diinsuranskan yang biasanya menetap di dalam Had Wilayah yang ditetapkan dalam Jadual, tanggung rugi akan dilanjutkan untuk meliputi aktiviti mereka dalam skop tugas mereka semasa ditugaskan buat sementara di tempat lain tetapi tidak termasuk A.S., wilayah-wilayah atau pemilikannya atau Kanada.

(B) semua kos dan belanja litigasi

- 1) yang berjaya didapatkan oleh mana-mana pihak menuntut daripada Pihak Diinsuranskan.
- 2) berlaku dengan keizinan bertulis Syarikat.

berkaitan dengan suatu tuntutan terhadap Pihak Diinsuranskan untuk ganti rugi atau pampasan bagi tanggung rugi yang dinyatakan dalam Polisi ini diterima pakai.

- 1.3 Kecederaan anggota bermaksud kematian, kecederaan, atau penyakit bagi atau terhadap mana-mana orang dan kerosakan harta bermaksud kerosakan sebenar dan/atau fizikal terhadap harta ketara.
- 1.4 Kemalangan bermaksud kejadian atau keadaan tidak dijangka yang mengejut, tidak diduga dan tidak sengaja termasuk akibat pendedahan yang berterusan, berselang-seli atau berulang-ulang terhadap keadaan berbahaya am yang sebahagian besarnya sama yang timbul daripada kejadian atau keadaan tidak dijangka yang sama.

### HAD TANGGUNG RUGI

- 2.1 Dengan sentiasa menjadi syarat bahawa liabiliti Syarikat untuk ganti rugi atau pampasan dan semua kos dan belanja litigasi yang berkaitan dengan apa-apa kemalangan atau siri kemalangan yang terjadi sehubungan dengan atau timbul daripada sesuatu peristiwa hendaklah tidak secara agregatnya melebihi jumlah yang ditetapkan dalam Jadual sebagai Had Tanggung Rugi bagi setiap kejadian ataupun liabiliti dalam agregat itu berhubung dengan semua kejadian yang berlaku dalam tempoh insurans yang melebihi amaun yang ditetapkan dalam Jadual sebagai Had Tanggung Rugi Agregat bagi Tempoh Insurans tersebut.
- 2.2 Semua kecederaan anggota dan ganti rugi harta sepanjang tempoh insurans akibat suatu kejadian hendaklah dianggap telah berlaku sepenuhnya dalam Tempoh Insurans yang berkuat kuasa pada masa permulaan kecederaan anggota atau ganti rugi harta yang pertama akibat kejadian sedemikian.

## KEKECUALIAN

3. Insurans ini tidak diterima pakai untuk:

- (a) Kecederaan anggota dan ganti rugi harta yang timbul daripada ketakpatuhan yang sengaja atau disengajakan terhadap mana-mana peruntukan berkanun atau pengabaian arahan pengurusan pentadbiran atau teknikal Pihak Diinsuranskan berkaitan dengan keselamatan dan pencegahan kemalangan.
- (b) Kecederaan anggota dan ganti rugi harta yang dijangka atau dirancang daripada sudut pandangan Pihak Diinsuranskan. Kecualian ini tidak diterima pakai untuk kecederaan anggota akibat penggunaan kekerasan yang munasabah untuk melindungi manusia atau harta.
- (c) Kecederaan anggota dan ganti rugi harta yang disebabkan oleh perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, penentangan, revolusi, dahagi, rampasan kuasa tentera atau rampasan kuasa, rusuhan, mogok, sekat masuk, pemberontakan tentera atau popular, kegemparan awam, pemerintahan tentera atau penjarahan yang berkaitan dengannya, perampasan atau pemusnahan mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam atau apa-apa tindakan atau keadaan yang berkaitan dengan mana-mana perkara di atas.
- (d) Kecederaan anggota dan ganti rugi harta yang timbul daripada gempa bumi, gegaran bumi, letupan gunung berapi, banjir, ribut, ribut kencang, taufan, hurikan, puting beliung, puting beliung atau kejadian alam serupa yang lain dan gangguan atmosfera.
- (e) Kecederaan anggota atau ganti rugi harta atau apa-apa liabiliti undang-undang apa pun sifatnya yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau menyumbang kepada atau timbul daripada:
  - (i) sinaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear;
  - (ii) radioaktif, toksik, letupan atau sifat-sifat berbahaya lain daripada mana-mana pemasangan bahan letupan nuklear atau apa-apa komponen nuklearnya;
  - (iii) mana-mana reaktor nuklear, stesen jana kuasa atau loji nuklear, premis atau kemudahan apa-apa sahaja yang berhubung atau berkaitan dengan pengeluaran tenaga nuklear atau pengeluaran atau penyimpanan atau pengendalian bahan api nuklear atau sisa nuklear; atau
  - (iv) mana-mana premis atau kemudahan lain yang layak untuk insurans oleh mana-mana perkhidmatan dan/atau persatuan nuklear tempatan.
- (f) Kecederaan jasmani atau ganti rugi harta yang wajib dibayarkan pampasan oleh Pihak Diinsuranskan kerana menanggung liabiliti dalam suatu kontrak atau perjanjian yang liabilitinya tidak terikat dengan ketiadaan kontrak atau perjanjian sedemikian.
- (g) Apa-apa kewajipan Pihak Diinsuranskan menurut undang-undang yang berkaitan dengan pampasan pekerja, faedah keupayaan, kecederaan atau penyakit akibat pekerjaan, pampasan pengangguran atau mana-mana undang-undang yang serupa.
- (h) Kecederaan anggota kepada seorang pekerja Pihak Diinsuranskan atau orang lain di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisan dengan Pihak Diinsuranskan yang timbul daripada dan dalam hubungan dengan Pihak Diinsuranskan atau keluarga Pihak Diinsuranskan sendiri.

Kekecualian ini diterima pakai sama ada Pihak Diinsuranskan mungkin bertanggungjawab sebagai majikan atau dalam apa-apa keupayaan yang lain; dan untuk apa-apa kewajipan berkongsi pampasan disebabkan kecederaan tersebut.
- (i) Kecederaan anggota atau ganti rugi harta disebabkan oleh atau sehubungan dengan atau timbul daripada pemunyaan, pemilikan, atau penggunaan oleh atau bagi pihak Pihak Diinsuranskan apa-apa treler atau kenderaan bermotor yang mewajibkan pengambilan insurans liabiliti motor. Walau bagaimanapun, kekecualian ini tidak diterima pakai terhadap liabiliti berhubung dengan pemuatan, punggah-memunggah atau pengambilan barang-barang ke atau dari treler atau kenderaan bermotor yang sedemikian.
- (j) Kecederaan anggota atau ganti rugi harta yang timbul daripada pemilikan, penyenggaraan, penggunaan, operasi, memuat, punggah-memunggah atau mengamanahkan pihak lain bagi mana-mana pesawat udara atau pesawat air yang dimiliki atau dikendalikan atau disewa atau dipinjamkan kepada Pihak Diinsuranskan.
- (k) Kecederaan anggota atau ganti rugi harta yang timbul daripada pengangkutan bahan dan/atau bahan berbahaya/beracun di luar premis Pihak Diinsuranskan.
- (1) Kecederaan anggota atau ganti rugi harta yang timbul daripada pemberian atau kegagalan untuk memberi apa-apa perkhidmatan yang bersifat profesional, termasuk tetapi tidak terhad kepada, memberikan atau kegagalan untuk memberikan.
  - (i) perkhidmatan perubatan, pembedahan, pergigian, sinar-x atau kejururawatan atau rawatan atau membekalkan makanan atau minuman yang berkaitan dengan ini;
  - (ii) apa-apa perkhidmatan atau rawatan yang bertujuan memberikan faedah kepada kesihatan;

- (iii) membekalkan atau mengagihkan ubat atau perubatan, bekalan atau peralatan pergigian atau pembedahan;
  - (iv) perkhidmatan profesional oleh arkitek, jurutera, akauntan, juruukur, peguam, ejen insurans atau broker; atau
  - (v) perkhidmatan pemprosesan data,
- (m) Kecederaan anggota atau ganti rugi harta yang timbul daripada peluahan, penyebaran, pelepasan, peresapan atau pembolosan bahan pencemar sebenar, dikatakan atau diancam, atau apa-apa kerugian, kos atau belanja yang timbul daripada apa-apa arahan permintaan, sama ada kerajaan atau pihak lain, supaya Pihak Diinsuranskan menilai, menguji, memantau, membersihkan, membuang, mengawal, mengekang, merawat, menyahtoksik atau meneutralkan bahan pencemar.
- (n) Kecederaan anggota atau ganti rugi harta yang timbul daripada talkum abestiform, asbestos, dietilstilbestrol, dioksin, alat di dalam rahim, kontraseptif mulut, vaksin selesema-babi, tembakau atau produk tembakau, urea formaldehida, atau apa-apa liabiliti yang disebabkan oleh kesan-kesan sindrom kurang daya tahan atau hepatitis B.
- (o) Apa-apa liabiliti yang timbul daripada kerugian bersifat kewangan yang tulen seperti hilang nama baik atau kerugian pasaran.
- (p) Apa-apa liabiliti yang timbul daripada semua kecederaan diri seperti libel, slander, fitnah, penangkapan palsu, pengusiran salah, tahanan salah apa-apa azab kecederaan mental atau kejutan akibat daripadanya.
- (q) Apa-apa liabiliti yang timbul daripada pelanggaran rancangan, hak cipta, paten, nama niaga, tanda niaga, reka bentuk berdaftar.
- (r) Apa-apa liabiliti berhubung dengan denda, penalti, ganti rugi punitif, ganti rugi teladan, ganti rugi tiga kali ganda atau apa-apa ganti rugi lain akibat penggandaan ganti rugi pampasan.
- (s) Ganti rugi harta terhadap produk Pihak Diinsuranskan yang timbul daripadanya atau sebahagian daripadanya.
- Produk Pihak Diinsuranskan:
- (i) bermaksud apa-apa barang atau produk, selain harta tanah, yang dikilangkan, dijual, dikendalikan diagihkan atau diatur oleh Pihak Diinsuranskan;  
pihak lain yang berniaga menggunakan nama Pihak Diinsuranskan; atau seseorang atau organisasi yang perniagaan atau asetnya telah diperoleh Pihak Diinsuranskan;
  - (ii) bermaksud kontena (selain kenderaan bermotor), bahan, bahagian kelengkapan yang dibekalkan sehubungan dengan barang atau produk sedemikian;
  - (iii) termasuk waranti atau representasi yang dibuat pada bila-bila masa berhubung dengan kesesuaian, mutu, ketahanan atau prestasi mana-mana item yang termasuk dalam dua subbahagian yang pertama dalam seksyen ini dan arahan atau nasihat tentang sifat, penggunaan atau storan produk Pihak Diinsuranskan yang disediakan oleh atau bagi pihak Pihak Diinsuranskan; dan
  - (iv) tidak termasuk mesin layan diri atau harta lain yang disewakan atau ditetapkan untuk penggunaan pihak lain tetapi tidak dijual.
- (s) Ganti rugi harta terhadap produk Pihak Diinsuranskan yang timbul daripadanya atau sebahagian daripadanya.
- Kerja Pihak Diinsuranskan:
- (i) bermaksud kerja atau operasi yang dijalankan oleh atau bagi pihak Pihak Diinsuranskan;
  - (ii) bermaksud bahan-bahan, alat ganti atau kelengkapan yang dibekalkan berhubung dengan kerja atau operasi sedemikian;  
dan
  - (iii) termasuk waranti atau representasi yang dibuat pada bila-bila masa berhubung dengan kesesuaian, mutu, ketahanan atau prestasi mana-mana item yang termasuk dalam (i) dan (ii) di atas, dan arahan atau nasihat tentang sifat, penggunaan atau storan kerja Pihak Diinsuranskan yang disediakan oleh atau bagi pihak Pihak Diinsuranskan.
- (u) Liabiliti yang dituntut untuk apa-apa kerugian, kos atau belanja yang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan atau pihak lain atas kehilangan penggunaan, tarik balik, panggil balik, pemeriksaan, pembaikan, penggantian, pelarasan, pemindahan atau pelupusan produk Pihak Diinsuranskan, atau kerja Pihak Diinsuranskan; jika produk atau kerja sedemikian ditarik balik atau dipanggil balik daripada pasaran atau daripada penggunaan oleh mana-mana orang atau organisasi lantaran kecacatan, kekurangan, kekurangan atau keadaannya yang berbahaya yang diketahui atau dicurigai.
- (v) Kecederaan anggota atau ganti rugi harta yang terjadi jauh dari premis yang dimiliki atau disewa oleh Pihak Diinsuranskan dan yang timbul daripada produk Pihak Diinsuranskan atau kerja Pihak Diinsuranskan kecuali:
- (i) produk yang masih berada dalam pemilikan fizikal Pihak Diinsuranskan; atau
  - (ii) kerja yang masih belum siap atau terbengkalai.
- (w) Ganti rugi harta untuk:
- (i) harta yang dimiliki, disewa atau diduduki oleh Pihak Diinsuranskan.

- (ii) premis yang dijual, diberikan percuma atau ditinggalkan Pihak Diinsuranskan, jika ganti rugi harta timbul daripada mana-mana bahagian premis-premis ini;
  - (iii) harta yang dipinjamkan kepada Pihak Diinsuranskan;
  - (iv) harta peribadi yang sedang dimuatkan atau dipunggah (ke dalam atau dari mana-mana pesawat udara, pesawat air atau kenderaan bermotor) oleh Pihak Diinsuranskan jika ganti rugi harta timbul daripada pemuatan atau pemungghahan itu;
  - (v) bahagian tertentu mana-mana harta pada, di atau dengan tempat Pihak Diinsuranskan atau mana-mana kontraktor atau subkontraktor bekerja secara langsung atau secara tidak langsung bagi pihak Pihak Diinsuranskan yang sedang dijalankan operasi, jika ganti rugi harta timbul daripada operasi-operasi ini; atau
  - (vi) bahagian tertentu mana-mana harta yang mesti dipulihkan, dibaiki atau digantikan kerana kerja Pihak Diinsuranskan tidak dilaksanakan dengan betul padanya.
  - (vii) kerosakan harta terhadap tanah, bangunan atau struktur lain yang disebabkan oleh getaran, pacuan cerucuk, ambelasan, atau perobohan atau akibat daripada pemindahan atau pelemahan sokongan atau tuntutan yang timbul daripada akibat kerosakan harta sedemikian.
- (x) Apa-apa liabiliti kontraktor dan/atau subkontraktor dan/atau pekerja mereka, dengan atau tanpa pengetahuan dan/atau izin Pihak Diinsuranskan, melainkan dalam persetujuan sebelumnya antara Pihak Diinsuranskan dengan Syarikat dan dimasukkan atau diendors secara khusus dalam dokumen ini.
  - (y) Apa-apa pun liabiliti yang timbul secara langsung atau secara tidak langsung akibat kecuaiian sengaja atau profesional Pihak Diinsuranskan.
  - (z) Kerja yang sedang dijalankan atau telah dijalankan oleh Pihak Diinsuranskan terhadap mana-mana pesawat air, pesawat udara atau benda yang dibuat atau bertujuan untuk diapungkan atau bergerak melalui air atau ruang udara.

#### **ORANG YANG DIINSURANSKAN**

4.1 Tanggung rugi yang diperuntukkan di bawah ini juga diperluas untuk melindungi:

- (1) sekiranya Pihak Diinsuranskan merupakan seorang individu, Pihak Diinsuranskan dan isteri/suami Pihak Diinsuranskan, tetapi hanya berkaitan dengan pengendalian perniagaan Pihak Diinsuranskan.
- (2) sekiranya Pihak Diinsuranskan merupakan perkongsian atau usaha sama, ahli Pihak Diinsuranskan, rakan kongsi dalam perkongsian atau usaha sama Pihak Diinsuranskan, dan suami/isteri mereka tetapi hanya berkaitan dengan pengendalian perniagaan Pihak Diinsuranskan; atau
- (3) sekiranya Pihak Diinsuranskan merupakan organisasi yang bukan perkongsian atau usaha sama, pegawai eksekutif dan pengarah Pihak Diinsuranskan tetapi hanya berkaitan dengan tugas mereka sebagai pegawai atau pengarah Pihak Diinsuranskan. Pemegang saham Pihak Diinsuranskan juga diilindungi tetapi hanya berkaitan dengan liabiliti mereka sebagai pemegang saham.

Dengan syarat bahawa dengan apa cara pun, semua orang atau pihak sedemikian hendaklah mematuhi, memenuhi dan tertakluk pada terma syarat dan kekecualian Polisi ini seolah-olah mereka ialah Pihak Diinsuranskan.

4.2 Setiap pihak yang berikut juga merupakan Pihak Diinsuranskan;

- (1) pekerja Pihak Diinsuranskan, selain daripada pegawai eksekutif Pihak Diinsuranskan, tetapi hanya untuk tindakan dalam skop pekerjaan mereka oleh Pihak Diinsuranskan. Walau bagaimanapun, pekerja-pekerja ini bukanlah Pihak Diinsuranskan bagi:-
  - Kecederaan anggota terhadap Pihak Diinsuranskan atau terhadap rakan pekerja sewaktu dalam tempoh pekerjaannya; atau
  - Kecederaan anggota yang timbul kerana menyediakan atau kegagalannya menyediakan penjagaan kesihatan profesional  
atau
  - Perkhidmatan profesional yang lain; atau
  - Ganti rugi harta kepada harta yang dimiliki atau diduduki oleh atau disewakan atau dipinjamkan kepada pekerja berkenaan, mana-mana pekerja lain Pihak Diinsuranskan atau mana-mana rakan kongsi atau ahli Pihak Diinsuranskan sekiranya perkongsian atau usaha sama.
- (2) mana-mana orang atau organisasi yang mempunyai jagaan sementara yang sah terhadap harta Pihak Diinsuranskan jika Pihak Diinsuranskan meninggal dunia, tetapi hanya berkaitan dengan liabiliti yang timbul daripada penyenggaraan atau penggunaan harta itu dan sehingga wakil di sisi undang-undang Pihak Diinsuranskan telah dilantik.

- (3) wakil di sisi undang-undang Pihak Diinsuranskan jika Pihak Diinsuranskan meninggal dunia, tetapi hanya berkaitan dengan tugas-tugas sedemikian. Wakil itu akan mempunyai semua hak dan tugas Pihak Diinsuranskan di bawah Polisi ini.
- 4.3 Orang atau organisasi tidak boleh menjadi Pihak Diinsuranskan berhubung dengan pengendalian apa-apa perkongsian atau usaha sama semasa atau yang lampau yang tidak dinamakan sebagai Pihak Diinsuranskan dalam Jadual.
- 4.4 Setiap orang atau pihak yang ditanggung rugi di bawah dokumen ini adalah ditanggung rugi secara berasingan berkaitan dengan tuntutan yang dibuat terhadap mana-mana seorang daripada mereka oleh mana-mana orang atau pihak lain (selain Pihak Diinsuranskan yang dinamakan) tertakluk pada jumlah liabiliti Syarikat yang tidak melebihi had-had Tanggung Rugi yang dinyatakan dalam Jadual tanpa mengambil kira bilangan;-
- (i) Pihak Diinsuranskan;
  - (ii) tuntutan yang dibuat atau tindakan guaman yang dibawa; atau
  - (iii) orang atau organisasi yang membuat tuntutan atau membawa tindakan guaman.

#### **TANGGUNG RUGI TERHADAP PRINSIPAL**

- 5.5 Jika apa-apa tuntutan dibuat terhadap mana-mana Prinsipal yang telah mengikat kontrak dengan Pihak Diinsuranskan, untuk kecederaan anggota atau ganti rugi harta dan jika tuntutan seumpamanya boleh diterima di bawah Polisi ini jika dibuat terhadap Pihak Diinsuranskan secara langsung, maka dalam kes sedemikian Syarikat akan tertakluk pada had, terma dan syarat polisi ini, menanggung rugi Prinsipal daripada liabiliti undang-undangnya untuk tuntutan sedemikian dengan syarat:
- (1) Syarikat hendaklah secara tunggal mengekalkan pengendalian dan kawalan terhadap tuntutan, dan
  - (2) Syarikat hendaklah tidak bertanggungjawab untuk memberikan tanggung rugi di bawah dokumen ini jika Prinsipal sendiri atau melalui pekerja atau ejennya didapati bersalah atas apa-apa kecuiaan atau keingkaran lain.

#### **LEBIHAN**

- 6.6 Syarikat akan bertanggungjawab atas ganti rugi atau pampasan dan kos yang berkaitan dan belanja litigasi yang kena dibayar di bawah terma dan syarat polisi ini, hanya pada takat agregat amaun yang sedemikian yang timbul daripada satu kejadian melebihi jumlah Lebihan yang ditetapkan dalam Jadual. Pihak Diinsuranskan hendaklah menanggung sendiri ganti rugi dan pampasan dan kos dan belanja yang berkaitan sehingga amaun Lebihan yang tersebut bagi setiap kejadian.

#### **FASAL BIDANG KUASA**

Tanggung rugi yang dinyatakan dalam Polisi ini hendaklah tidak diterima pakai terhadap atau merangkumi:-

- (a) pampasan untuk ganti rugi berhubung dengan penghakiman yang pada mula-mulanya tidak dijatuhkan atau diperoleh daripada Mahkamah bidang kuasa kompeten di dalam Malaysia.
- (b) kos dan belanja litigasi yang didapatkan oleh pihak menuntut daripada Pihak Diinsuranskan yang tidak ditanggung atau dan boleh didapatkan di Malaysia.

#### **SYARAT-SYARAT**

- 8.1 Polisi dan Jadual ini hendaklah dibaca bersama-sama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau ungkapan yang ada makna khusus pada mana-mana bahagian Polisi atau Jadual ini, hendaklah membawa maksud sedemikian di mana sahaja ia muncul.
- 8.2 **Syarat Paling Utama:** Pematuhan dan penunaian yang sewajarnya bagi terma dan syarat polisi ini setakat ia berkaitan dengan sesuatu yang perlu dibuat atau tidak perlu dibuat oleh Pihak Diinsuranskan; dan kebenaran semua pernyataan dan maklumat yang dibekalkan kepada Syarikat oleh Pihak Diinsuranskan akan menjadi syarat duluan kepada apa-apa liabiliti Syarikat untuk membuat apa-apa pembayaran di bawah Polisi ini.
- 8.3 Setiap notis atau komunikasi yang akan diberikan atau dibuat di bawah polisi ini hendaklah dihantar serah secara bertulis kepada Syarikat oleh Pihak Diinsuranskan ke alamat yang ditunjukkan di dalam Jadual mengikut mana yang berkenaan. Jika notis diposkan, bukti pos hendaklah menjadi bukti yang memadai bagi notis. Notis kepada ejen tidak membentuk notis kepada Syarikat.
- 8.4 Semua pernyataan yang dibuat dalam cadangan untuk Polisi ini dan apa-apa bahan yang telah diserahkan berserta dengannya atau dikehendaki olehnya merupakan asas Polisi ini. Pihak Diinsuranskan hendaklah memberikan notis dengan segera tentang apa-apa fakta, kejadian keadaan yang mengubah maklumat yang tersebut sebelumnya secara material dan Syarikat boleh meminda terma-terma Polisi ini sekiranya dianggap wajar.
- 8.5 Polisi ini mengandungi semua perjanjian antara Pihak Diinsuranskan dengan Syarikat berkenaan dengan insurans yang diberikan. Pihak Diinsuranskan yang mula-mula dinamakan dalam Jadual diberikan kuasa untuk membuat perubahan dalam terma-terma polisi ini dengan izin Syarikat. Terma-terma polisi ini boleh dipinda atau diketepikan hanya melalui pengendorsan yang dikeluarkan oleh Syarikat dan dijadikan sebahagian daripada polisi ini.
- 8.6 Syarikat boleh memeriksa buku dan rekod Pihak Diinsuranskan setakat ia berkaitan dengan insurans ini pada bila-bila masa sehingga tiga tahun selepas tamat tempoh polisi atau satu tahun selepas penyelesaian akhir semua tuntutan yang timbul di

bawah polisi mengikut mana yang terkemudian. Syarikat juga boleh pada bila-bila masa membuat pemeriksaan atau tinjauan perniagaan tanpa mengaku janji apa-apa tanggungjawab untuk berbuat demikian atau akibat daripadanya.

- 8.7 Pihak Diinsuranskan hendaklah mengambil segala langkah beringat yang munasabah untuk mencegah kemalangan dan hendaklah menyenggara premis, loji dan semua yang digunakan dalam perniagaan Pihak Diinsuranskan dari segi pembaikan yang betul, hanya mengambil pekerja yang cekap dan mematuhi semua kewajipan dan peraturan berkanun yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa. Pihak Diinsuranskan hendaklah dengan serta-merta membetulkan atau memulihkan apa-apa kecacatan atau bahaya yang menjadi ketara, mengambil tindakan yang munasabah atas perbelanjaannya sendiri untuk mengesan, memanggil balik, atau mengubah suai apa-apa produk yang mengandungi kecacatan atau bahaya sedemikian, dan mengambil langkah beringat tambahan yang sedemikian mengikut keperluan keadaan.
- 8.8 Sekiranya mana-mana bahagian premium dihitung berdasarkan anggaran, Pihak Diinsuranskan hendaklah dalam masa satu bulan dari tamat tempoh setiap tempoh insurans menyediakan butir-butir sedemikian seperti yang mungkin dikehendaki Syarikat dan premium untuk tempoh sedemikian hendaklah diselaraskan dengan mana-mana premium minimum yang dinyatakan dalam Jadual 4.
- 8.9 Jika pada waktu sedemikian timbul tuntutan di bawah Polisi ini dan terdapat mana-mana insurans lain yang melindungi liabiliti yang sama, maka syarikat hendaklah tidak bertanggungjawab di bawah Polisi ini untuk membayar atau menyumbang lebih daripada kadaran kena bayar bagi apa-apa tuntutan sedemikian dan kos dan belanja yang berkaitan dengannya.
- 8.10 Kedua-dua pihak boleh membatalkan Polisi ini dengan memberikan notis sekurang-kurangnya empat belas (14) hari secara bertulis melalui pos berdaftar. Sekiranya Syarikat membatalkan Polisi Syarikat hendaklah membuat bayaran balik pada kadar pro rata bagi premium yang tertakluk pada pelarasan mengikut terma Syarat 8.8 di atas. Sekiranya Pihak Diinsuranskan membatalkan Polisi, Syarikat boleh membuat bayaran balik sebahagian daripada premium selepas penahanan premium untuk waktu dalam risiko pada skala perkadaran jangka pendek Syarikat dengan syarat tidak berlaku kejadian pada tempoh polisi ini yang boleh menyebabkan tuntutan.
- 8.11 (A) Pihak Diinsuranskan mesti memberitahu Syarikat dengan segera tentang kejadian yang boleh menimbulkan tuntutan. Notis sedemikian hendaklah termasuk:-
- (i) bagaimana, bila dan di mana kejadian berlaku;
  - (ii) nama dan alamat mana-mana orang yang tercedera dan saksi; dan
  - (iii) sifat dan lokasi apa-apa kecederaan atau ganti rugi yang timbul daripada kejadian.
- (B) Pihak Diinsuranskan mestilah:-
- (i) memberitahu Syarikat tentang apa-apa pendakwaan, inkues atau siasatan kemalangan maut yang akan berlaku;
  - (ii) memberikan notis segera kepada Syarikat tentang apa-apa tuntutan atau tindakan guaman yang dibawa terhadap Pihak Diinsuranskan;
  - (iii) serta-merta menghantar kepada Syarikat salinan setiap surat tuntutan, writ, tuntutan, proses, notis, saman atau kertas undang-undang yang diterima yang berkaitan dengan tuntutan atau tindakan guaman;
  - (iv) mengekalkan tidak berubah dan tidak dibaiki apa-apa jentera, loji, perkakas atau benda yang dengan apa-apa cara menyebabkan atau berkaitan dengan apa-apa kejadian yang mungkin menyebabkan tuntutan di bawah Polisi ini bagi tempoh masa sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Syarikat secara munasabah.
- 8.12 (A) Pengakuan, penawaran, janji, pembayaran atau tanggung rugi hendaklah tidak dibuat atau diberi oleh atau bagi pihak Pihak Diinsuranskan tanpa keizinan bertulis Syarikat. Atas permintaan Syarikat Pihak Diinsuranskan mestilah:
- (i) memberikan kuasa kepada Syarikat untuk mendapatkan rekod dan maklumat lain;
  - (ii) bekerjasama dengan Syarikat dalam penyiasatan, penyelesaian atau pertahanan tuntutan atau tindakan guaman; dan
  - (iii) membantu Syarikat dalam penguatkuasaan apa-apa hak terhadap mana-mana orang atau organisasi yang mungkin bertanggungjawab kepada Pihak Diinsuranskan disebabkan kecederaan atau ganti rugi dengan insurans ini mungkin diterima pakai.
- (B) Syarikat akan mempunyai hak, tetapi dalam apa-apa pun hal tidak berkewajipan, untuk mengambil alih dan menjalankan atas nama Pihak Diinsuranskan, pertahanan bagi apa-apa tuntutan dan akan mempunyai budi bicara penuh dalam mengendalikan apa-apa prosiding dan dalam penyelesaian apa-apa tuntutan dan setelah mengambil alih pertahanan apa-apa tuntutan, boleh melepaskannya. Semua amaun yang dibelanjakan oleh Syarikat dalam pertahanan, penyelesaian atau pembayaran apa-apa tuntutan akan mengurangkan Had Tanggung Rugi selaras dengan Fasal 2 di atas.
- Sekiranya Syarikat, atas budi bicara sendiri, memilih untuk melaksanakan haknya selaras dengan syarat ini, tindakan yang diambil oleh Syarikat dalam menjalankan hak sedemikian, tidak akan digunakan untuk mengubah suai atau

mengembangkan dengan apa-apa cara pun liabiliti atau kewajipan Syarikat di bawah Polisi ini sehingga melebihi liabiliti atau kewajipan Syarikat yang asal sekiranya Syarikat tidak melaksanakan haknya di bawah syarat ini.

- 8.13 Syarikat boleh dalam hal apa-apa tuntutan atau sebilangan tuntutan berhubung dengan atau yang timbul daripada apa-apa kejadian membayar kepada Pihak Diinsuranskan amaun had tanggung rugi Syarikat yang diterima pakai atau apa-apa amaun yang kurang yang boleh menyelesaikan tuntutan atau tuntutan-tuntutan dan selepas itu Syarikat tidak akan menanggung liabiliti selanjutnya berhubung dengannya.
- 8.14 Sekiranya Syarikat menolak liabiliti terhadap Pihak Diinsuranskan bagi apa-apa tuntutan di bawah dokumen ini dan tuntutan sedemikian dalam tempoh 12 bulan kalendar dari tarikh penolakan tuntutan sedemikian tidak dijadikan perkara pokok tindakan guaman di mahkamah undang-undang, maka tuntutan itu hendaklah untuk semua tujuan disifatkan telah ditinggalkan dan hendaklah tidak selepas itu boleh didapatkan balik menurut dokumen ini.
- 8.15 Syarikat hendaklah tidak bertanggungjawab untuk membuat apa-apa pembayaran di bawah Polisi ini berhubung dengan apa-apa tuntutan yang dalam apa-apa cara berkait dengan fraud atau telah disokong oleh apa-apa pernyataan atau alat sama ada oleh Pihak Diinsuranskan atau oleh mana-mana orang bagi pihak Pihak Diinsuranskan dan jika insurans telah disambung berbangkit daripada apa-apa bahan salah nyata material atau oleh ketakzahiran apa-apa maklumat material oleh atau bagi pihak Pihak Diinsuranskan.
- 8.16 Segala perbezaan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah menurut keputusan penimbang tara yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang dalam pertikaian atau sekiranya mereka tidak bersetuju dengan seorang penimbang tara, keputusan dua penimbang tara yang dilantik secara bertulis oleh setiap satu pihak dalam masa satu bulan kalendar selepas dikehendaki secara bertulis supaya berbuat demikian oleh salah satu pihak, atau sekiranya penimbang tara-penimbang tara tidak mencapai persetujuan, keputusan Wasit yang dilantik secara bertulis oleh penimbang tara-penimbang tara sebelum memulakan perujukan. Wasit hendaklah bersidang bersama-sama penimbang tara-penimbang tara dan mempengerusikan mesyuarat mereka. Keputusan award hendaklah menjadi syarat duluan untuk apa-apa hak tindakan terhadap Syarikat. Kos timbang tara dan kos yang bersangkutan dengannya hendaklah atas budi bicara penimbang tara, penimbang tara-penimbang tara, atau Wasit. Tempat timbang tara hendaklah di Kuala Lumpur dan undang-undang Malaysia hendaklah diterima pakai untuk timbang tara.
- 8.17 Sekiranya apa-apa bayaran di bawah Polisi ini, jika Pihak Diinsuranskan berhak mendapatkan balik semua atau sebahagian daripada apa-apa bayaran yang telah dibuat oleh Syarikat bawah Polisi ini, hak-hak itu dipindah milik kepada Syarikat sehingga takat pembayarannya. Pihak Diinsuranskan mestilah tidak membuat apa-apa untuk mengurangkan hak-hak sedemikian. Atas permintaan Syarikat Pihak Diinsuranskan hendaklah membawa tindakan guaman atau memindah milik hak-hak tersebut kepada Syarikat dan membantu Syarikat menguatkuasakannya.
- 8.18 Hak dan kewajipan Pihak Diinsuranskan di bawah Polisi ini tidak boleh dipindah milik tanpa keizinan bertulis Syarikat kecuali dalam kes kematian individu yang dinamakan sebagai Pihak Diinsuranskan.

**Pengendorsan/Fasal/Waranti yang berikut hendaklah hanya boleh diterima pakai jika dinyatakan dengan jelas dalam jadual Polisi ini:**

#### **WARANTI PREMIUM**

Adalah menjadi syarat khas yang asas dan mutlak bagi kontrak insurans ini bahawa premium yang genap masa mesti dibayar dan diterima oleh Penanggung Insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi/pengendorsan/ perakuan pembaharuan ini.

Jika syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini terbatal secara automatik dan Penanggung Insurans hendaklah berhak mendapat premium pro rata untuk tempoh risiko yang ditanggungnya.

Sekiranya premium kena dibayar yang menurut waranti ini diterima oleh ejen berdaftar Penanggung Insurans pembayaran tersebut hendaklah disifatkan diterima oleh Penanggung Insurans bagi tujuan waranti ini dan beban membuktikan bahawa premium kena dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen insurans yang tidak berdaftar untuk menerima premium sedemikian hendaklah terletak pada Penanggung Insurans.

Tertakluk sebaliknya pada terma, syarat dan kekecualian Polisi ini.

#### **FASAL LIABILITI SILANG**

Pemasukan lebih daripada satu syarikat, orang, organisasi, firma atau entiti sebagai Pihak Diinsuranskan yang Dinamakan dalam polisi ini hendaklah tidak dengan apa-apa cara menjejaskan hak mana-mana syarikat, orang, organisasi, firma atau entiti sedemikian sama ada dari segi apa-apa tuntutan, permintaan, tindakan guaman atau penghakiman yang dibuat atau dibawa oleh, atau atas nama mana-mana Pihak Diinsuranskan yang Dinamakan, atau oleh, atas nama, mana-mana pekerja Pihak Diinsuranskan lain yang sedemikian. Polisi ini hendaklah menginsuranskan setiap syarikat, orang atau organisasi, firma atau entiti dengan cara yang sama seolah-olah polisi yang berasingan telah dikeluarkan kepada setiap pihak; tetapi apa-apa pun yang diperoleh dalam polisi hendaklah tidak bertindak untuk menambah liabiliti Syarikat sebagaimana yang dinyatakan di tempat lain dalam polisi ini yang melebihi amaun yang menjadi tanggungjawab Syarikat sekiranya hanya satu orang atau kepentingan telah dinamakan sebagai Pihak Diinsuranskan.

Tertakluk sebaliknya pada terma, syarat dan kekecualian Polisi ini.



## **FASAL KEKECUALIAN KEROSAKAN ALAM SEKITAR BERANSUR-ANSUR**

Syarikat hendaklah tidak bertanggungjawab terhadap

- a) kecederaan diri atau anggota atau kerugian kewangan atau kerugian, ganti rugi terhadap, atau kehilangan penggunaan harta secara langsung atau secara tidak langsung yang timbul daripada peluahan, penyebaran, pelepasan, atau pembolosan bahan pencemar.
- b) kos membuang memulihkan atau membersihkan bahan pencemar.
- c) denda penalti ganti rugi punitif atau ganti rugi teladan yang timbul secara langsung atau secara tidak langsung daripada peluahan, penyebaran, pelepasan, atau pembolosan bahan pencemar.

Tanpa dipengaruhi oleh penggunaan sebelum ini, Polisi ini hendaklah melindungi liabiliti yang dengan cara lain tidak dimasukkan di bawah perenggan (a) dan (b) di atas yang

- (i) disebabkan oleh kejadian tiba-tiba yang tidak dapat dikenal pasti tidak disengajakan dan tidak diduga yang berlaku secara keseluruhannya pada waktu dan tempat yang khusus, dan
- (ii) dibayar ganti rugi dalam tidak lebih daripada satu tempoh tahunan insurans asal.

Untuk tujuan Fasal ini, "bahan pencemar" bermaksud apa-apa perengsa atau bahan kontaminasi pepejal cecair bergas atau haba, termasuk tetapi tidak terhad kepada asap wap jelaga wasap asid alkali bahan kimia dan sisa. Sisa termasuk bahan untuk dikitar semula, dipulihkan atau ditebus guna.

Tertakluk sebaliknya pada terma, syarat dan kekecualian Polisi ini.

## **PENGENDORSAN KEBAKARAN & LETUPAN**

Dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa polisi ini diperluas untuk melindungi Pihak Diinsuranskan berkaitan semua jumlah yang menjadi tanggungjawab di sisi undang-undang untuk dibayar oleh Pihak Diinsuranskan yang timbul daripada kebakaran dan letupan, tetapi tanggung rugi yang dinyatakan dalam polisi ini bagaimanapun hendaklah tidak diterima pakai terhadap mahupun merangkumi liabiliti yang berkaitan dengan ganti rugi atau kecederaan yang disebabkan oleh atau berhubung dengan atau timbul daripada letupan dandang, ekonomiser atau bekas lain, mesin atau perkakas yang tekanan dalamannya dihasilkan oleh stim sahaja.

Tertakluk sebaliknya pada terma, syarat dan kekecualian Polisi ini.

## **FASAL RISIKO KERJA DI LUAR KAWASAN**

Polisi ini diperluas untuk merangkumi liabiliti Pihak Diinsuranskan seperti yang ditakrifkan dalam dokumen ini berhubung dengan kemalangan yang berbangkit daripada penglibatan dalam perkembangan kerja sebenar yang dijalankan oleh Pihak Diinsuranskan atau orang yang berkhidmat dengan Pihak Diinsuranskan dalam urusan perniagaan di dalam had wilayah tetapi di luar premis yang ditakrifkan.

Tertakluk sebaliknya pada terma, syarat dan kekecualian Polisi ini.

## **FASAL PEMBERITAHUAN HILANG**

Tanpa dipengaruhi oleh apa-apa jua yang terkandung dalam dokumen ini yang bertentangan, adalah dipersetujui bahawa insurans ini tidak akan terjejas oleh apa-apa kelewatan, ralat atau peninggalan yang tidak disengajakan dalam memberitahu Syarikat tentang apa-apa keadaan atau kejadian yang menimbulkan atau berkemungkinan menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini dengan syarat amaun tuntutan dengan ini tidak bertambah.

Tertakluk sebaliknya pada terma, syarat dan kekecualian Polisi ini.

## **AKTIVITI KELAB SUKAN DAN SOSIAL PEKERJA**

Pernyataan "Pihak Diinsuranskan" hendaklah termasuk jawatankuasa dan ahli mana-mana kelab sosial atau sukan yang beroperasi untuk faedah pekerja-pekerja Pihak Diinsuranskan. Urusan Pihak Diinsuranskan hendaklah dianggap merangkumi aktiviti-aktiviti kelab yang tersebut.

Tertakluk sebaliknya pada terma, syarat dan kekecualian Polisi ini.

## **PENGENDORSAN TEMPAT LETAK KERETA**

Adalah dipersetujui dan diperakui bahawa polisi ini diperluas untuk menanggung rugi Pihak Diinsuranskan untuk tuntutan berhubung dengan kecederaan anggota atau ganti rugi terhadap harta yang timbul secara langsung atau secara tidak langsung daripada atau

disebabkan oleh atau berhubung dengan apa-apa kenderaan dalam kawalan fizikal atau undang-undang Pihak Diinsuranskan sekiranya kecederaan anggota atau ganti rugi terhadap harta yang sedemikian berlaku semasa kenderaan sedemikian berada di dalam tempat letak kereta yang dimiliki atau dikendalikan oleh Pihak Diinsuranskan.

Dengan syarat tanggung rugi yang diberikan melalui Pengendorsan ini tidak diterima pakai berkaitan dengan:-

- (a) apa-apa liabiliti sehubungan dengan
  - (i) mana-mana kenderaan kepunyaan Pihak Diinsuranskan
  - (ii) mana-mana kenderaan yang digunakan oleh atau bagi pihak Pihak Diinsuranskan yang tidak ada kena-mengena dengan pengendalian sebagai pemilik atau pengendali tempat letak kereta ini
- (b) apa-apa liabiliti yang timbul secara langsung atau secara tidak langsung daripada atau disebabkan oleh atau sehubungan dengan servis, pembaikan dan/atau penyenggaraan mana-mana kenderaan.

Dengan syarat selanjutnya tanpa dipengaruhi oleh apa-apa yang terkandung dalam dokumen ini yang bertentangan atau mana-mana polisi lain, Pihak Diinsuranskan hendaklah tidak berhak ditanggung rugi menurut kuasa pengendorsan ini sekiranya Pihak Diinsuranskan berhak ditanggung rugi di bawah apa-apa polisi yang lain.

Tertakluk sebaliknya pada terma, syarat dan kekecualian Polisi ini.

### **FASAL PENGUBAHAN DAN PEMBAIKAN**

Dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa pekerja dibenarkan masuk atau berada di premis Pihak Diinsuranskan sesekali untuk menjalankan perubahan dan pembaikan yang kecil, tetapi tidak termasuk semua perubahan dan pembaikan yang dijalankan di bawah apa-apa perjanjian dan/atau kontrak yang dinyatakan, tanpa prasangka terhadap terma-terma Polisi ini.

Tertakluk sebaliknya pada terma, syarat dan kekecualian Polisi ini.

### **FASAL KEMUDAHAN BANTUAN KECEMASAN**

Adalah dipersetujui bahawa insurans ini diperluas untuk melindungi liabiliti undang-undang Pihak Diinsuranskan yang Dinamakan, berhubung dengan orang selain pekerja Pihak Diinsuranskan yang Dinamakan yang timbul daripada penyediaan Bantuan Kecemasan yang perlu di Premis yang diperihalkan dalam Polisi ini.

Tidak termasuk liabiliti untuk apa-apa tindakan, peninggalan atau kecuaiannya mana-mana pekerja atau pekerja sukarela di mana-mana hospital atau organisasi ambulans atau mana-mana ahli profesion perubatan atau kejururawatan yang timbul daripada pemberian atau kegagalan untuk memberikan apa-apa jenis perkhidmatan atau rawatan atau dalam mengagihkan atau membekalkan ubat, bekalan atau peralatan perubatan, pergigian atau pembedahan atau membekalkan apa-apa makanan atau minuman.

Tertakluk sebaliknya pada terma, syarat dan kekecualian Polisi ini.

### **TANGGUNG RUGI TERHADAP PARA PENGARAH DAN EKSEKUTIF**

Jika apa-apa tuntutan dibuat terhadap mana-mana Pengarah dan/atau Eksekutif Pihak Diinsuranskan dan Tuntutan itu adalah sedemikian rupa sehingga jika dibuat terhadap Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan berhak menanggung rugi di bawah Polisi ini Syarikat akan dengan syarat-syarat dan tertakluk pada had-had polisi ini menanggung rugi Pengarah dan/atau Eksekutif Pihak Diinsuranskan yang disebut berhubung dengan tuntutan sedemikian.

Dengan syarat:-

- (a) Pengarah dan/atau Eksekutif sedemikian tidak berhak ditanggung rugi di bawah mana-mana Polisi atau Polisi-Polisi lain.
- (b) peluasan oleh pengendorsan ini hendaklah tidak diterima pakai untuk atau termasuk liabiliti berhubung dengan kecederaan terhadap mana-mana orang di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisan dengan Pengarah dan/atau Eksekutif atau sekiranya kecederaan itu timbul daripada atau dalam menjalankan guna khidmat atau perkhidmatan orang sedemikian dengan Pengarah dan/atau Eksekutif.
- (c) Pengarah dan/atau Eksekutif sedemikian hendaklah seolah-olah dia merupakan Pihak Diinsuranskan mematuhi memenuhi dan tertakluk pada terma, kekecualian, had dan syarat polisi ini setakat ia boleh diterima pakai.
- (d) peluasan melalui pengendorsan ini hendaklah tidak bertindak untuk menambah liabiliti Syarikat sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual di bawah tajuk had Tanggung Rugi melebihi amaun atau amaun-amaun yang menjadi tanggungjawab Syarikat sekiranya Polisi tidak diperluas seperti ini.

Tertakluk sebaliknya pada terma, syarat dan kekecualian Polisi ini.

### **KERJA PERSENDIRIAN YANG DIJALANKAN UNTUK PENGARAH DAN EKSEKUTIF**

Polisi ini diperluas untuk menanggung rugi Pihak Diinsuranskan dan mana-mana Pengarah dan/atau Eksekutif Pihak Diinsuranskan berhubung dengan guna khidmat tugas persendirian mana-mana pekerja Pihak Diinsuranskan oleh Pengarah dan/atau Eksekutif yang sedemikian.

- (a) Pengarah dan/atau Eksekutif sedemikian tidak berhak ditanggung rugi di bawah mana-mana Polisi atau Polisi-Polisi lain.
- (b) peluasan melalui Pengendorsan ini hendaklah tidak diterima pakai untuk atau termasuk liabiliti berhubung dengan kecederaan terhadap mana-mana orang di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisan dengan Pengarah dan/atau Eksekutif atau sekiranya kecederaan itu timbul daripada atau dalam menjalankan guna khidmat atau perkhidmatan orang sedemikian dengan Pengarah dan/atau Eksekutif.
- (c) Pengarah dan/atau Eksekutif sedemikian hendaklah seolah-olah dia merupakan Pihak Diinsuranskan mematuhi memenuhi dan tertakluk pada terma, kekecualian, had dan syarat polisi ini setakat ia boleh diterima pakai.
- (d) peluasan melalui Pengendorsan ini hendaklah tidak bertindak untuk menambah liabiliti Syarikat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual di bawah tajuk Had Tanggung Rugi melebihi amaun atau amaun-amaun yang menjadi tanggungjawab Syarikat sekiranya Polisi tidak diperluas seperti ini.

Tertakluk sebaliknya pada terma, syarat dan kekecualian Polisi ini.

## **FASAL MEMUAT DAN MEMUNGGAH**

Dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa insurans oleh Polisi ini diperluas untuk melindungi liabiliti undang-undang Pihak Diinsuranskan dari segi kecederaan anggota atau kerugian atau ganti rugi terhadap harta yang disebabkan oleh atau timbul melebihi had mana-mana jalan raya atau jalan besar berhubung dengan:

- a) Pembawaan muatan ke kenderaan sedemikian untuk dimuatkan ke dalamnya  
ATAU
- b) Pembawaan muatan keluar dari kenderaan sedemikian selepas memungghahnya oleh mana-mana orang selain pemandu atau kelindan kenderaan sedemikian.

DENGAN SENTIASA MENJADI SYARAT BAHAWA liabiliti Syarikat di bawah Polisi ini dan fasal yang berhubung dengan kecederaan anggota atau ganti rugi terhadap harta hendaklah tidak dengan apa-apa cara melebihi Had Tanggung Rugi yang ditetapkan dalam Polisi ini.

Juga dengan sentiasa menjadi syarat bahawa orang sedemikian yang menjalankan pemuatan atau pemungghahan adalah tidak berhak mendapat tanggung rugi dalam mana-mana polisi atau polisi-polisi lain.

## **PENGENDORSAN LIF DAN ESKALATOR**

Dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa polisi ini diperluas untuk melindungi kecederaan anggota secara tidak sengaja terhadap mana-mana orang semasa memasuki atau meninggalkan mana-mana lif atau eskalator yang disebabkan oleh kesalahan atau kecuaiian Pihak Diinsuranskan atau mana-mana orang dalam perdagangan atau perniagaan Pihak Diinsuranskan sebagaimana yang diterangkan dalam Jadual atau oleh apa-apa kecacatan Jentera Loji atau Perkakas berhubung dengan lif atau eskalator yang tersebut.

## **FASAL IKLAN DAN PAPAN TANDA NEON**

Dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa insurans oleh Polisi ini diperluas untuk melindungi liabiliti undang-undang Pihak Diinsuranskan yang timbul daripada kemalangan yang disebabkan oleh atau melalui pemasangan Iklan dan Papan Tanda Neon pada harta Pihak Diinsuranskan.

Dengan jaminan bahawa Pihak Diinsuranskan hendaklah mematuhi semua enakmen undang-undang kecil dan peraturan berkanun dan hendaklah pada sepanjang masa memastikan bahawa pemasangan iklan dan papan tanda neon dijaga dalam keadaan yang baik dan jika apa-apa kecacatan ditemui Pihak Diinsuranskan hendaklah serta-merta membetulkan kecacatan sedemikian dan hendaklah pada masa yang sama mengambil langkah beringat tambahan yang sedemikian untuk mencegah menghalang sebagaimana yang dikehendaki oleh keadaan dan pengubahan dalam kedudukan iklan hendaklah tidak dibuat tanpa izin Syarikat.

Setakat yang boleh dilaksanakan dengan munasabah pengubahan atau pembaikan hendaklah tidak dibuat tanpa izin Syarikat terhadap Iklan dan Papan Tanda Neon selepas apa-apa kemalangan telah berlaku berhubung dengannya sehingga Syarikat berpeluang untuk memeriksanya.

DENGAN SENTIASA MENJADI SYARAT BAHAWA liabiliti Syarikat di bawah Polisi ini dan Pengendorsan yang berhubung dengan apa-apa kecederaan anggota atau ganti rugi terhadap harta hendaklah tidak dengan apa-apa cara melebihi Had Tanggung Rugi yang ditetapkan dalam Polisi ini.

## FASAL KERACUNAN MAKANAN DAN MINUMAN

Polisi ini diperluas untuk merangkumi liabiliti yang berkaitan dengan kecederaan tidak sengaja yang secara langsung disebabkan oleh atau timbul daripada sesuatu yang memudaratkan atau rosak dalam makanan atau minuman yang dijual atau dibekalkan oleh Pihak Diinsuranskan atau daripada apa-apa jenis keracunan yang disebabkan oleh bahan asing atau bahan yang merosakkan kesihatan dalam makanan atau minuman yang dijual atau dibekalkan oleh Pihak Diinsuranskan di kawasan Perniagaan dalam keadaan yang dinamakan dalam Jadual.

Dengan syarat bahawa:-

1. Untuk tujuan peluasan ini perkataan "kecederaan" di mana sahaja dipakai dalam Peluasan ini hendaklah dianggap merangkumi penyakit.
2. Liabiliti syarikat hendaklah tidak melebihi amaun yang ditetapkan dalam Jadual Polisi sebagai Had Tanggung Rugi.
3. Pihak Diinsuranskan hendaklah pada sepanjang masa mengambil setiap langkah beringat yang mungkin untuk menghalang penjualan barang-barang makanan atau minuman yang tidak dalam keadaan baik atau selepas tamat tempoh hayat simpannya dan memastikan bahawa makanan tersebut bebas daripada pencemaran dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.
4. Makanan atau minuman tersebut bukan jenis yang dikilangkan untuk dijual oleh Pihak Diinsuranskan.

## PENGENDORSAN AKTIVITI SOSIAL

Dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluas untuk menanggung rugi Pihak Diinsuranskan dari segi liabiliti undang-undang Pihak Diinsuranskan untuk kecederaan anggota atau ganti rugi harta sebagaimana yang ditakrifkan dalam Polisi ini yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada dan berhubung dengan apa-apa aktiviti sosial, rekreasi atau kebajikan yang dianjurkan, diselia dan diurus oleh Pihak Diinsuranskan untuk peserta yang dijemputnya, termasuk pekerja, keluarga dan kawan mereka di mana saja di Singapura dan Malaysia.

Perkataan "Pihak Diinsuranskan" setiap kali muncul hendaklah termasuk sebagai Pihak Diinsuranskan mana-mana orang yang merupakan ahli jawatankuasa penganjur atau pengurusan untuk aktiviti sosial, rekreasi atau kebajikan yang sedemikian tetapi hanya semasa bertindak dalam skop tugas mereka.

Selanjutnya diperakui dan dipersetujui bahawa tanggung rugi yang diberikan di bawah Polisi ini juga diperluas untuk diterima pakai terhadap kejadian dalam tempoh Polisi yang disebabkan oleh yang timbul daripada dan berhubung dengan, minuman atau makanan yang dihidangkan oleh Pihak Diinsuranskan semasa aktiviti sosial, rekreasi atau kebajikan yang sedemikian.

## Saluran Aduan Dan Rungutan

Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan terhadap Syarikat mengenai urusan yang tidak adil, Anda boleh menghubungi atau menulis sama ada:-

- a) **Customer Complaints Unit / Unit Aduan Pelanggan  
Liberty Insurance Berhad,**  
Tingkat 10, Menara Liberty  
1008, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur  
No Telefon: 03-2619 9000 (G/L) Ext. 9170 or 1-300-888-990  
No. Faksimili: 03-2693 2893
- b) **Customer Services Bureau (CSB)  
Consumer and Market Conduct Department  
Biro Perkhidmatan Pelanggan (BPP)**  
Jabatan Konsumer dan Amalan Pasaran, 7A Bank Negara Malaysia,  
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.  
Tel. No.: 03-2698 8044  
Fax No.: 03-2694 5986
- c) **Ombudsman for Financial Services (664393P)/  
Biro Pengantaraan Kewangan (664393P)  
(Formerly known as Financial Mediation Bureau)**  
Tingkat 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,  
4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.  
Tel. No.: 03-2272 2811  
Fax No.: 03-2272 1577